

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian akan mengurangkan harga siling bagi self-test kit COVID-19 antigen yang kini dibiarkan sekitar RM39.90? Apakah Kementerian bercadang untuk memberikan subsidi bagi pembelian test kit ini yang jauh lebih murah dari ujian RT-PCR/RTK dan penggunaan akan kian meningkat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Dalam membuat penetapan harga kit ujian sendiri Covid-19, Kementerian telah mengadakan sesi libat urus dengan pemegang-pemegang taruh dalam industri kit ujian sendiri Covid-19 termasuk fasiliti farmasi dan klinik. Penelitian dari segi kos pengeluaran dan kos pengimportan telah dibuat dan di analisa.

Kementerian telah menetapkan harga maksimum kit ujian pantas antigen covid-19 (ujian sendiri) bagi borong RM16.00 seunit dan runcit RM19.90 seunit. Penetapan harga maksimum telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 5 September 2021 melalui P.U (A) 348 Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.7) 2021.

Pelaksanaan pemeriksaan serta pemantauan ke atas penjualan kit ujian pantas antigen COVID-19 ini sedang dilaksanakan bermula 5 September 2021. Sehingga 6 September 2021, sebanyak 293 premis telah diperiksa membabitkan 32 premis borong dan 261 premis runcit dan daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 2 amaran dikeluarkan kerana menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Kerajaan tidak bercadangan untuk memberi subsidi kit ujian sendiri Covid-19 namun akan menetapkan harga maksimum pada kadar harga yang munasabah dan mampu dibeli oleh rakyat.

Sekian, terima kasih.